



## **TEKS UCAPAN**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**YB HANNAH YEOH**

**DIBACAKAN OLEH**

**PENGERUSI MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**ENCIK STUART RAMALINGAM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN SUKAN PARLIMEN (SUKPAR)  
WILAYAH PERSEKUTUAN 2026**

**26 APRIL 2026 (AHAD) | 8.30 PAGI**

**ARENA SUKAN KUALA LUMPUR**

## PENDAHULUAN

Terima kasih pengacara majlis.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan atas komitmen serta semangat yang tinggi dalam menghimpunkan kontinjen masing-masing bagi menjayakan Sukan Parlimen (SUKPAR) Wilayah Persekutuan 2026 pada hari ini.

Penyertaan daripada 12 kawasan Parlimen ini membuktikan bahawa sukan mampu menjadi jambatan yang menyatukan kepelbagaian latar belakang demi satu matlamat bersama — iaitu semangat kesukanan dan kebersamaan Wilayah Persekutuan.

Lebih bermakna, penganjuran SUKPAR pada kali ini menandakan kembalinya program ini secara fizikal selepas kali terakhir diadakan pada tahun 2021 secara *virtual*, sekali gus mencerminkan kebangkitan semula platform sukan komuniti di peringkat akar umbi.

Hadirin sekalian,

SUKPAR 2026 menghimpunkan seramai 500 peserta daripada 12 kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan iaitu Kepong, Batu, Wangsa Maju, Segambut, Setiawangsa, Titiwangsa, Bukit Bintang, Lembah Pantai, Seputeh, Cheras, Bandar Tun Razak dan Putrajaya. Sementara penganjuran SUKPAR 2026 di Labuan akan diadakan pada 2 Mei 2026.

Penyertaan penuh ini jelas menunjukkan komitmen tinggi semua Ahli Parlimen dalam menggerakkan pembangunan sukan komuniti di kawasan masing-masing.

## **ACARA & INKLUSIVITI**

SUKPAR edisi kali ini menampilkan tiga sukan utama iaitu futsal lelaki dan wanita, bola jaring serta pickleball beregu lelaki dan wanita.

Selain itu, penganjuran kali ini turut memperkenalkan acara khas pickleball bagi kategori OKU, sebagai langkah memperkukuhkan elemen inklusiviti dalam pembangunan sukan komuniti.

Ini mencerminkan komitmen jelas bahawa sukan adalah untuk semua, tanpa mengira latar belakang atau keupayaan.

## **PERANAN SUKPAR**

Hadirin yang dihormati,

SUKPAR bukan sekadar kejohanan sukan. Ia merupakan satu platform penting yang menghimpunkan komuniti dari pelbagai kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan untuk memupuk nilai perpaduan, kerjasama, disiplin serta semangat kesukanan.

Dalam masa yang sama, program ini turut menggalakkan gaya hidup sihat serta meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti fizikal secara menyeluruh

dan inklusif — selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam membina masyarakat yang sejahtera, aktif dan berdaya saing.

## **SUKPAR MEDAN CUNGKIL BAKAT AKAR UMBI**

Hadirin sekalian,

Lebih penting, SUKPAR juga berfungsi sebagai platform mencungkil bakat baharu di peringkat akar umbi.

Saya yakin, daripada 500 peserta yang bertanding hari ini, akan lahir bakat-bakat yang berpotensi untuk mewakili Wilayah Persekutuan ke pentas yang lebih tinggi, termasuk Sukan Malaysia (SUKMA) pada masa akan datang.

## **HALA TUJU SUKMA 2026**

Hadirin yang dihormati sekalian,

Tahun 2026 merupakan tahun yang signifikan dalam kalendar sukan negara dengan penganjuran SUKMA ke-22 Selangor yang akan berlangsung pada 15 hingga 24 Ogos 2026.

Kontinjen Wilayah Persekutuan kini sedang membuat persiapan rapi dengan tekad untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Kejayaan muncul Naib Juara keseluruhan di SUKMA Sarawak sebelum ini, dengan hanya perbezaan satu pingat emas, menjadi pemangkin semangat untuk terus melangkah ke tahap yang lebih tinggi.

Dan saya percaya — kejayaan itu bermula daripada usaha di peringkat akar umbi melalui platform seperti SUKPAR ini.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

MSWP akan terus komited dalam menyokong dan memperkasa inisiatif seperti ini kerana kami percaya pembangunan sukan tidak boleh hanya tertumpu kepada atlet elit semata-mata tetapi mesti bermula daripada komuniti itu sendiri.

Dalam jangka masa panjang, usaha ini berpotensi meletakkan Kuala Lumpur sebagai peneraju pembangunan sukan berasaskan komuniti di Malaysia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat bertanding kepada semua peserta.

Bertandinglah dengan semangat kesukanan yang tinggi, hormati lawan dan jadikan platform ini sebagai pengalaman yang bermakna.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan SUKPAR WILAYAH PERSEKUTUAN 2026.

Sekian, terima kasih.